

UMS berusaha tambah pelajar antarabangsa

NST 09.10.2012 7

OLEH MARRYAN RAZAN (marrayan@newsabahtimes.com.my)

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) berusaha menambah jumlah pelajar antarabangsa untuk menuntut di universiti itu selaras dengan wawasannya menjadi antara universiti terulung di rantau ini, kata Naib Canselornya Datuk Prof Dr. Mohd Harun Abdullah (gambar).

Sehubungan itu, katanya kurikulum pengajian UMS akan diselaraskan dengan sistem pendidikan yang dipraktikkan di seluruh dunia.

Katanya, sepanjang Program Asasi Pelajar Antarabangsa (ISFP) para pelajar baru itu akan mengenali atau memahami sudut pandangan dunia yang lebih luas terutamanya dari segi kepelbagai budaya peringkat antarabangsa.

"Tanpa mengira dari mana anda berasal, anda semua berkongsi tujuan yang sama sebagai sebuah masyarakat antarabangsa. Fahami perbezaan dan sentiasa terbuka untuk menerima budaya masyarakat global," katanya.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapannya sempena majlis pendaftaran pelajar baru ISFP, di UMS, di sini, kelmarin.

Teks ucapannya disampaikan oleh Pengarah Pusat Hal Ehwal Antarabangsa Dr. Jenny Liew.

Pada majlis itu, seramai 96 pelajar

baru yang kebanyakannya dari China dan seorang dari Iraq mendaftar untuk mengikuti program asasi selama enam bulan di universiti itu.

ISFP merupakan kursus persediaan bagi pelajar antarabangsa yang dikendalikan Pusat Pembangunan Profesional UMS LinK (UCPD) atau UMS Link Centre for Professional Development dan prasyarat kelayakan sebelum diterima masuk ke pelbagai program ijazah di UMS.


Mohd Harun berkata, kehadiran pelajar antarabangsa di UMS akan membolehkan mereka memahami dan mempelajari budaya dan bahasa-bahasa baru sekaligus membentuk pelajar yang berfikir terbuka serta memahami budaya orang lain.

"UMS kini mengorak langkah dengan menyaksikan lebih ramai pelajar menuntut di sini termasuk pelajar dari China, Indonesia, Korea Selatan dan Turki," katanya.

Berkenaan dengan pelajar dari China beliau berkata: "Sama ada anda datang dari Beijing, Shanghai, Chongqing, Sichuan, Yunnan atau di mana sahaja, saya berharap anda akan bermurah hati berkongsi budaya dengan rakan-rakan lain.

"Saya berharap pelajar China akan membentuk persahabatan yang erat dan belajar daripada rakan-rakan mengenai budaya di sini," katanya.

Sambil mengalu-alukan kehadiran



pelajar antarabangsa yang baru menyertai program asasi, Mohd Harun berkata: "Anda kini menjadi sebahagian daripada keluarga UMS yang menekankan kepentingan kecemerlangan akademik dan perkhidmatan kepada masyarakat".

"UMS adalah antara universiti yang mempunyai keunikan dan keindahan alam sekitar yang turut mempromosi keharmonian budaya," katanya.